




## Maklumat Inovasi 2011

Tajuk Inovasi	Easi-Crusher
Ketua Kumpulan	<div style="text-align: center;">  <p>Ernie Muneerah Binti Mohd Adhan</p> </div>
Ahli Kumpulan	<div style="text-align: center;">  <p>Depan dari kiri: Salleh Bin Sheikh Ibrahim, Mohd Hafiz Abd Rahman              Belakang dari kiri: Ernie Muneerah Binti Mohd Adhan,              Mastura Yaacob, Dr Marysia James Abie, Dr Lai Shu Zhan              Tiada dalam gambar: Aklaq Jaffri Bin Jasmi</p> </div>
Tahun Penciptaan/ Penambahbaikan	2010
Latarbelakang	<p>Penternakan ruminan kecil adalah antara sektor yang menyumbang kepada industri ternakan negara. Salah satu aspek yang perlu diambil berat dalam penternakan ruminan kecil adalah pengurusan kesihatan iaitu termasuk rawatan dan penjagaan tertentu seperti <i>hoof trimming</i> dan <i>dehorning</i>. Di Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan (IBVK) Jerantut, Pahang, ternakan ruminan kecil juga digunakan untuk program semen collection dan aktiviti</p>

	<p>teknologi pembiakan seperti ultrasound scanning dan pernian beradas. Semua program ini memerlukan ternakan tersebut dikekang di suatu tempat untuk berada dalam keadaan pergerakan yang minimum. Teknik yang biasa digunakan adalah dengan menggunakan tali yang diikat pada tengkuk atau ternakan dipegang oleh pengendali. Namun demikian, teknik ini memerlukan cara mengendali yang sesuai, sumber tenaga manusia yang tidak efisien, di samping terdedah kepada risiko kecederaan pada pengendali dan ternakan itu sendiri.</p> <p>Berdasarkan kepada masalah-masalah tersebut, alat pengekekang ruminan kecil digunakan oleh kebanyakan ladang khususnya di IBVK. Walaupun mempunyai pelbagai rekabentuk dan ukuran, tujuannya adalah sama, iaitu untuk membantu dalam pengendalian ternakan khususnya yang memerlukan ternakan berada dalam keadaan tenang. Rekabentuk yang biasa digunakan adalah dengan menggunakan kayu dan papan. Penggunaan kayu dan papan sebagai bahan asas alat pengekekang ini menjadikan ia ringan dan mudah dibina. Namun begitu, keadaan ini juga menyebabkannya mudah menjadi rosak akibat daripada rontaan ternakan.</p>
<b>Ringkasan Inovasi</b>	<p>Berdasarkan masalah-masalah yang timbul, idea untuk menghasilkan alat pengekekang ruminan kecil yang tahan lama dan 'portable' tercetus. Alat pengekekang ini dinamakan 'Easi-Crusher'. Ia diperbuat daripada aluminium dan besi tahan karat. Ia direkabentuk supaya mempunyai ciri-ciri <i>flexible</i> (ketinggian boleh laras) dan mudah alih (boleh dilipat dan mempunyai roda. Ia masih mengekalkan fungsi utama iaitu untuk memudahkan pengendalian ternakan semasa rawatan, penjagaan dan sebagainya.</p>
<b>Faedah Inovasi</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tahan lasak dalam jangka masa yang lama. (Meningkatkan jangka masa penggunaan dari 1 tahun hingga 15 tahun)</li> <li>2. Senang dibawa ke mana-mana (<i>portable</i>).</li> <li>3. Menjimatkan masa dan tenaga dalam menjalankan program-program rawatan, teknologi pembiakan dan program penyelidikan.</li> <li>4. Memerlukan sumber manusia yang sedikit. (Menjimatkan sumber tenaga manusia daripada 2 orang kepada 1 orang; Nisbah operator:haiwan dikurangkan dari 2:1 ke 1:1)</li> <li>5. Mengelakkan kecederaan kepada pengendali dan ternakan.</li> <li>6. Dapat menjaga kebajikan ternakan (<i>animal welfare</i>)</li> <li>7. Menjimatkan kos jangka masa panjang dari RM430 setahun ke RM 320 setahun</li> </ol>
<b>Status Komersil (jika ada)</b>	-
<b>Pencapaian / Anugerah (jika ada)</b>	-
<b>Maklumat Lanjut</b>	<p>Nama :Ernie Muneerah Binti Mohd Adhan  Alamat :Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan Jerantut Pahang.  No. Tel : 09-2861554  No. HP :  No. Faks : 09-2861553  Email : ernie@dvs.gov.my</p>

Website :

Gambar Produk Inovasi



Easi-Crusher



Easi-Crusher

